

04/03/1998

Syarat beli syarikat Bumiputera dikeluarkan

PETALING JAYA, Selasa - Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, garis panduan mengenai langkah membenarkan bukan Bumiputera membeli syarikat Bumiputera yang bermasalah kerana kegawatan ekonomi sekarang, akan dikeluarkan tidak lama lagi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerana ia membabitkan keputusan dasar, kerajaan memperkenalkan garis panduan khusus.

Ditanya sama ada Unit Perancangan Ekonomi (EPU) sudah diarahkan untuk meninjau syarikat mana yang perlu menerima bantuan seumpama itu, beliau berkata:

"Saya tidak fikir ia akan menjadi isu memutuskan mana-mana syarikat tertentu kecuali ini (cuma) keputusan dasar dan akan memperkenalkan garis panduan khusus."

Sebelum itu, dalam ucapan di majlis penutup Dialog Perkongsian Bestari Kebangsaan (NSPD) 1998, Anwar memuji pelaksanaan NSPD yang banyak memberi ruang kepada semua pihak membangkitkan pandangan untuk membantu kerajaan menangani masalah ekonomi negara.

"Keseluruhan idea perkongsian bestari ialah untuk mengadakan perbincangan secara jujur dan terbuka," katanya.

Beliau juga meminta sektor awam dan swasta yang hadir supaya berusaha menerima kenyataan bahawa Malaysia sehingga kini mampu untuk menahan tekanan tanpa meminta bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

"Langkah berhemat yang diambil memang memeritkan dan kita terpaksa membuat penyesuaian yang besar termasuk menukar dasar. Tidak ada pilihan lain jika kita tidak mahu meminta bantuan asing," katanya.

Anwar yang juga Menteri Kewangan turut mengulas beberapa isu yang dibangkitkan peserta, antaranya meminta kerajaan bersikap lebih telus seperti di Amerika Syarikat yang turut dicontohi negara jiran, Filipina.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, ketelusan mutlak tidak mungkin wujud. Malah, katanya, Jabatan Negara Amerika Syarikat dan Sistem Kewangan Antarabangsa sendiri tidak mengamalkan ketelusan mutlak.

Beliau turut mempersoalkan ketelusan yang masih tidak wujud dalam urusan niaga mata wang antarabangsa seperti dibangkitkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meskipun banyak perbincangan mengenai ketelusan telah diadakan.

Mengenai pengumuman dasar kerajaan oleh beberapa pemimpin yang seolah-olah tidak konsisten, Anwar berkata, perkara itu tidak menjadi masalah selagi ia tidak terlalu merosakkan keadaan.

"Ini menunjukkan kita mengamalkan demokrasi," katanya.

(END)